

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia  
Tarikh : 23/07/2017  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 1 & 5





HAMZAH ZAINUDIN melancarkan Pelan Strategik Angkasa sambil diiringi Abdul Fattah Abdullah (tiga dari kanan) serta ahli jawatankuasanya ketika majlis perasmian Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa Ke-32 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

## Pinda Akta Koperasi

Oleh SITI NORHAWA MOHD. ALI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 JULAI

**K**EMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan membentangkan pindaan kepada Akta Koperasi 1993 pindaan 2007 (Akta 502) pada sesi Parlimen seterusnya bagi memperkasakan agenda koperasi sebagai salah satu pemangkin ekonomi negara.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, pindaan tersebut akan membantu koperasi mempertingkatkan ekonomi domestik dengan menyentuh perkara-perkara lebih terperinci seperti pembahagian kategori koperasi mengikut skala yang sepatutnya.

"Kita akan jadikan pengkelasan koperasi lebih mustahak de-

ngan mengkategorikan kira-kira 13,428 koperasi yang ada kepada tiga kumpulan bermula daripada syarikat koperasi berskala besar, syarikat koperasi berskala sederhana dan syarikat koperasi berskala kecil.

"Dengan pengkelasan tersebut, kementerian dan Angkasa akan lebih mudah menyediakan keperluan koperasi-koperasi ini bagi memastikan mereka dapat mengambil peluang dan ruang yang ada serta melakukan transformasi untuk ke peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Ke-32 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Tambah Hamzah, selain itu, pindaan tersebut akan meliputi cadangan pindaan berkaitan urus tadbir dan peraturan.

Menurutnya, dengan pindaan tersebut, koperasi-koperasi dapat menyertai perdagangan dalam negara untuk meningkatkan ekonomi masing-masing secara lebih bebas dan terbuka.

"Kita tidak mahu akta yang ada sekarang ini menyekat mereka dan membuat mereka ketinggalan dalam perniagaan. Keputusan yang dibuat oleh ahli lembaga sepatutnya boleh dicapai dengan cepat, bebas malah tidak ada kuasa-kuasa lain yang boleh menyekat mereka.

"Sebagai contoh, koperasi perlu menubuhkan anak syarikat jika ingin menjalankan perniagaan berskala besar, langkah itu hanya menyebabkan koperasi berada di takuk lama dan hanya dapat menjalankan perniagaan berskala kecil seperti peruncitan," katanya.

## Abdul Fattah kekal Presiden Angkasa

**KUALA LUMPUR 22 Julai** - Datuk Abdul Fattah Abdullah berjaya mempertahankan jawatannya sebagai Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) buat dua penggal berturut-turut dalam pemilihan pada Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa Ke-32 di sini hari ini.

Beliau mendapat 3,083 undi, sekali gus mengetepikan pen-

cabarnya yang juga Naib Pengerusi Koperasi Ma'ahad Tahfiz Tijarah Gombak Berhad, Dr. Arriffin Mansor yang memperoleh hanya 569 undi. Jawatan Timbalan Presiden yang dimenangi tanpa bertanding oleh Mutadho Bahri.

Naib Presiden dimenangi oleh Mohamad Azmi Omaruddin dan Dr. Mohd. Azlan Yahya yang masing-masing menerima 2,250 dan 1,712 undi.

Bagi kerusi Pengerusi Persida-

ngan Angkasa, dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik yang memperoleh undi sebanyak 2,309 manakala Timbalan Pengerusi Persidangan dimenangi oleh Mohamad Noor Mohamad dan Datuk Haron Abdullah yang masing-masing mendapat 297 dan 116 undi.

Pemilihan ini dibuat oleh 4016 perwakilan dari 4000 buah koperasi yang hadir dari seluruh negara.



**KEPUTUSAN PEMILIHAN  
PERSIDANGAN  
KEBANGSAAN TAHUNAN  
ANGKASA KE-32**

### PRESIDEN

- Datuk Abdul Fattah Abdullah  
3,083 undi (menang)
- Dr. Arriffin Mansor  
569 undi

### TIMBALAN PRESIDEN

- Mutadho Bahri  
(menang tanpa bertanding)

### NAIB PRESIDEN

- Mohamad Azmi Omaruddin  
2,250 undi (menang)
- Dr. Mohd. Azlan Yahya  
1,712 undi (menang)
- Datin Seri Dr. Jamilah Din  
987 undi
- Dr. Mustapa Kamal Maulud  
859 undi
- Yunus Kasim  
756 undi
- Dr. Razmi Ab. Rahman  
240 undi

### PENGERUSI PERSIDANGAN

- Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik  
2,309 undi (menang)

### TIMBALAN PENGERUSI PERSIDANGAN

- Mohamad Noor Mohamad  
297 undi (menang)
- Datuk Haron Abdullah  
116 undi (menang)
- Mohd. Azhari Ismail  
99 undi
- Datuk Hanapi Suliman  
92 undi
- Noor Zainan Zainul  
42 undi